

→ PENGANGKUTAN

Perubahan laluan ECRL selamat khazanah negara

➔ Jajaran baharu projek mega boleh elak risiko penebangan hutan di Banjaran Titiwangsa

Oleh Suzalina Halid, Muhamad Fairoz Azizan, Mohd Nasaruddin Parzi dan Irwan Shafrizan Ismail
bhnews@nstp.com.my

■ Kuala Lumpur

Perubahan jajaran Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang tidak merentasi Banjaran Titiwangsa mampu menyelamatkan pelbagai khazanah negara, khususnya sebahagian hutan simpan yang terpaksa 'dikorbankan' melalui cadangan asal projek mega itu.

Presiden Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), Prof Dr Ahmad Ismail, berkata pihaknya menyambut baik perubahan jajaran ECRL itu kerana ia boleh menutup risiko penebangan hutan, pencurian sumber dan pemburuan secara haram, jika Banjaran Titiwangsa 'dibuka' untuk

laluan projek rel terbabit.

Risiko laluan rentas banjaran

"Jika mengikut jajaran asal diumumkan sebelum ini, saya percaya sekurang-kurangnya 12 hutan simpan akan menerima kesannya, jadi keputusan kerajaan ia tidak merentasi Banjaran Titiwangsa diyakini mampu menyelamatkan sebahagian daripadanya.

"Banyak yang boleh diselamatkan, jika laluan itu dibuat merentasi Banjaran Titiwangsa, ia akan membuka jalan di situ, sekali gus boleh menyebabkan pelbagai risiko lain.

"Jika projek ECRL membabitkan Banjaran Titiwangsa, ia pasti membabitkan pembangunan infrastruktur, termasuk akses jalan di situ yang mampu memberi kesan besar, khususnya hidupan liar di situ," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas perubahan jajaran ECRL bagi mengelak pembinaan terowong sepanjang 18 kilometer (km) merentasi Banjaran Titiwangsa.

Sebelum ini, Utusan Khas Perdana Menteri, Tun Daim Zainuddin, mengumumkan projek ECRL akan diteruskan dengan kos pembinaan RM44 bilion, berkurangan RM21.5 bilion daripada nilai asal RM65.5 bilion.

Pada masa sama, Ahmad berkata, pihaknya ada menyatakan pandangan berhubung kesan pembinaan

terowong merentasi Banjaran Titiwangsa ini ketika pentadbiran kerajaan terdahulu mengumumkan untuk melaksanakan ECRL sebelum ini.

"Saya percaya banyak lagi pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkaitan alam sekitar yang menentang perkara itu sebelum ini dan kita melihat keputusan kerajaan sekarang yang mengecualikan Banjaran Titiwangsa dalam projek ECRL sebagai tindakan positif," katanya.

Beliau berkata, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) diminta menjelaskan impak projek ECRL secara keseluruhannya kepada alam sekitar dan hidupan liar.

Katanya, dua agensi kerajaan itu harus mengkaji sama ada impak terhadap alam sekitar dan hidupan liar itu boleh diminimumkan bagi menjaga kepentingan kepelbagaian biologi di negara ini.

Elak bina terowong

Sementara itu, Menteri Pengangkutan, Anthony Loke, berkata perubahan jajaran ECRL dilakukan bagi mengelak pembinaan terowong 18 km merentasi Banjaran Titiwangsa, sekali gus kos pembinaannya dikurangkan.

"Kita tukar masuk ke Negeri Sembilan dan daripada empat negeri, kita dapat lima negeri (dilalui ECRL)," katanya di Rantau, malam kelmarin.



Jika mengikut jajaran asal diumumkan sebelum ini, saya percaya sekurang-kurangnya 12 hutan simpan akan menerima kesannya"

Ahmad Ismail,
Presiden MNS

Penduduk Jelebu dapat impak pembangunan

Jelebu: Pekan Kuala Klawang bakal berubah wajah jika projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) melalui daerah ini seperti diumumkan kerajaan kelmarin.

Peniaga, Sharifah Rohaizah Syed Azlan Shah, 35, dari Kuala Klawang berkata, daerah itu akan mendapat impak bukan sahaja menggandakan aktiviti perniagaan, bahkan limpahan turut membabitkan sektor pelancongan dan perkhidmatan.

"Pembangunan di Kuala Klawang memang ditunggu penduduk kerana daerah ini lambat membangun berbanding daerah lain di negeri ini.

"Sudah pasti penduduk mengharapkan ada projek pembangunan boleh memberi manfaat apabila projek ECRL ada di sini," katanya ketika ditemui di sini.

Bakal jadi tumpuan

Sharifah Rohaizah berkata, kerajaan perlu memaklumkan kepada penduduk sama ada projek ECRL sekadar membina laluan atau mempunyai stesen perhentian.

"Jika benar stesen perhentian dibina, ia perlu berdekatan dengan Kuala Klawang dan bukan di tempat lain," katanya.

Sementara itu, Pegawai Angkatan Pertahanan Awam (APM) Jelebu, Marisa Aminuddin berkata, Jelebu akan menjadi tumpuan penduduk dari daerah lain yang akan menggunakan perkhidmatan ECRL.

"Ia turut memberi kesan terhadap naik taraf beberapa agensi yang memberi perkhidmatan kepada orang ramai, selain penambahan perjawatan," katanya.

Peniaga kasut, Seet Tee Gee, 57, pula berkata, daerah itu akan menerima banyak kehadiran orang luar, terutama jika kemudahan awam seperti kolej atau universiti diwujudkan di situ.

"Sejak pengumuman laluan diubah masuk ke Jelebu, ramai bertanya-tanya benarkah ECRL lalu di sini dan kami menunggu pengumuman rasmi kerajaan," katanya.



Sudah pasti penduduk berharap ada projek pembangunan boleh memberi manfaat apabila projek ECRL ada di sini"

Sharifah Rohaizah
Syed Azlan Shah,
Peniaga

Projek beri manfaat majukan luar bandar

Kuala Lumpur: Keputusan kerajaan meneruskan projek mega Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dilihat mampu memberi impak besar, termasuk dalam aspek ekonomi kepada pembangunan luar bandar khususnya membabitkan kawasan di Kelantan dan Pahang.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Rina Mohd Harun, berkata laluan ECRL membabitkan Kota Bharu, Kelantan dan Mentakab, Pahang, pasti mampu memberi manfaat kepada penduduk di sekitar untuk mendapatkan limpahan pembangunan.

Beliau berkata, pihaknya juga menyambut baik pelaksanaan projek mega itu dengan penjimatan kos sehingga RM21.5 bilion dan ia berketepatan pada saat kerajaan berdepan masalah kekangan kewangan.

"Dalam keadaan pihak kementerian komited membangunkan kawasan luar bandar, saya pasti ECRL memberi impak kepada pembangunan luar bandar, apatah lagi dengan

dua hentian di Kota Bharu dan Mentakab mampu memberikan manfaat kepada rakyat.

"Paling penting, pelaksanaan projek ini ada pengurangan kos yang boleh dimanfaatkan, apatah lagi dalam kekangan kewangan sekarang, setiap ringgit amat bermakna," katanya selepas merasmikan Hari Anugerah Cemerlang Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) St Gabriel, di sini, semalam.

Kelmarin, Utusan Khas Perdana Menteri, Tun Daim Zainuddin mengumumkan projek ECRL diteruskan dengan kos pembinaan RM44 bilion, berkurangan RM21.5 bilion atau 32.8 peratus daripada nilai asalnya, iaitu RM65.5 bilion.

Perbincangan terperinci

China dan Malaysia bersetuju meneruskan projek kontroversi itu dengan formasi landasan berkembar, namun jarak jajaran sepanjang 688 kilometer (km) dikurangkan 40km kepada 648km.

Pada masa sama, Rina berkata, perbincangan terperinci akan diadakan Kabinet selepas ini untuk menentukan sama ada Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan turut serta secara rasmi dalam pelaksanaan ECRL.

Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah pula berkata, keputusan menyelesaikan isu ECRL antara Malaysia dengan China satu keputusan tepat pada masanya.

Selain dapat mengukuhkan hubungan bilateral antara Kuala Lumpur dengan Beijing, kehadiran Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad pada forum BRI hujung bulan ini di China dapat mengukuhkan lagi hubungan kedua-dua negara.

"Dengan selesainya rundingan ini, kita dapat meneruskan perbincangan lain berkaitan hubungan bilateral Kuala Lumpur dan Beijing," katanya pada Majlis Makan Malam di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia kampus Kuantan, malam kelmarin.

Fakta
nombor

RM44

BILION

kos baharu ECRL

RM65.5

BILION

kos asal ECRL